

Penyampai : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
Tajuk : MAJLIS PERASMIAN MESYUARAT AGUNG KE-26 LEMBAGA KEBAJIKAN PEREMPUAN ISLAM
Lokasi : BANGUNAN TUANKU PUAN BESAR KURSHIAH, JLN PANTAI BHARU, KL.
Tarikh : 13-06-1987

Bismillahir rahmanir rahim.

Yang Maha Mulia Tuanku Puan Besar Kurshiah, Yang DiPertua, Lembaga Kebajikan Perempuan Islam;

Ahli-Ahli Jawatankuasa Kerja Pusat LKPI;

Para hadirin sekalian, Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Selamat Hari Raya.

Saya merasa gembira kerana dapat bersama-sama dengan Yang Maha Mulia Tuanku Yang Di-Pertua dan ahli-ahli Lembaga Kebajikan Perempuan Islam di majlis yang mulia ini. Saya juga mengucapkan terima kasih kerana sudi menjemput saya untuk merasmikan Mesyuarat Agung Ke-26 Lembaga Kebajikan Perempuan Islam pada pagi ini.

2. Pihak LKPI sungguh bertuah kerana dipimpin oleh Yang Maha Mulia Tuanku Puan Besar Kurshiah selama dua puluh enam tahun. Kepimpinan Yang Maha Mulia Tuanku merupakan contoh yang mendapat sanjungan tinggi daripada masyarakat semua kaum, dan pengorbanan tenaga dan masa oleh Yang Maha Mulia Tuanku untuk kerja-kerja kemasyarakatan dan amal adalah dorongan yang besar kepada sukarelawan-sukarelawan sekalian.

Ampun Tuanku,

3. Patek berdoa semoga Allah Subhanahu Wataala lanjutkan usia Tuanku dan memberi hidayahNya supaya Tuanku dapat terus memimpin Lembaga Kebajikan Perempuan Islam pada masa hadapan.

Para hadirin sekalian,

4. Saya bangga dengan kejayaan LKPI selama ini. Kini Lembaga telah berkembang di seluruh negara dan di beberapa buah negeri terdapat bahagian-bahagian yang aktif menjalankan objektif-objektif Lembaga. Walau bagaimanapun, kerja-kerja Kebajikan Lembaga masih kurang mendapat perhatian atau disedari disebabkan kurangnya liputan oleh pihak media massa. Saya faham Lembaga tidak mahu menonjol-nonjolkan diri, tetapi ada kalanya kerja-kerja kebajikan Lembaga perlu diketahui oleh masyarakat supaya menjadi contoh di samping menarik minat orang ramai untuk memberi sambutan yang lebih positif kepada Lembaga ini. Oleh kerana ini LKPI perlu mengambil tindakan dan berusaha supaya mendapat liputan yang sewajarnya daripada pihak media massa.

Para hadirin sekalian,

5. Masalah-masalah yang dihadapi oleh negara, sama ada masalah sosial, masalah ekonomi atau apa jua masalah, ada hubung kaitnya dengan sikap dan tanggungjawab masyarakat dan rakyat. Oleh itu, kita semua mempunyai peranan, dan pertubuhan sukarela seperti Lembaga juga boleh memberi sumbangan dan memainkan peranan yang penting dalam masalah-masalah seperti keruntuhan akhlak, kemelesetan ekonomi, dadah, ajaran-ajaran yang menyeleweng, ajaran sesat jauh daripada ajaran Islam yang sebenar. Kesemuanya ini adalah berpunca daripada sikap, pengertian dan kesanggupan mengorbankan masa dan tenaga.

6. Dalam hal ini, organisasi-organisasi, terutamanya organisasi yang memberi khidmat secara sukarela, sangat memerlukan kepada ahli-ahli yang berdedikasi dan berdisiplin untuk mencapai maksud dan tujuan yang telah ditetapkan. Memang banyak perkara yang boleh dilaksanakan dan rancangan-rancangan dijayakan sekiranya ahli-ahli bersatu hati dan membulatkan tenaga dan menguatkan semangat dalam melaksanakan satu-satu tugas.

Puan-puan dan para hadirin sekalian,

7. Saya percaya Lembaga Kebajikan Perempuan Islam semenjak ianya ditubuhkan telah mengalami berbagai-bagai dugaan dalam usahanya untuk membela kebajikan perempuan Islam. Justeru itu juga LKPI telah mengumpul banyak pengalaman yang boleh digunakan bagi memanfaatkan pertubuhan ini dan ahli-ahlinya.

Sudah tentu dengan pengalaman yang sebegini luas, Lembaga ini boleh memainkan peranan yang lebih berkesan dan progresif sesuai dengan usahanya untuk memberi perlindungan di samping memajukan kedudukan sosio-ekonomi ahli-ahlinya, insya-Allah. Sebagai sebuah pertubuhan Islam, Lembaga ini berharap akan dapat, dalam segala tindakan bagi melaksanakan rancangan-rancangannya, menjadi contoh teladan yang baik kepada lain-lain pertubuhan yang sepertinya.

8. Saya yakin dan percaya melalui aktiviti Lembaga dan Pergerakan Puteri Islam, kita dapat membantu mengatur strategi dan pendekatan yang boleh membawa ke arah kesejahteraan dan keselamatan, dan supaya orang Islam berjaya merasai nikmat kemurahan Allah di bumi ini dan berjaya juga dalam agama mengikut suruhan Allah Subhanahu Wataala.

Puan-puan dan para hadirin sekalian,

9. Dalam rancangan Lembaga, perkara ekonomi juga patut diberi tekanan, khususnya bagi ahli-ahli di luar bandar.

Selain daripada pelajaran agama, kerja-kerja amal, mereka juga patut diberi panduan dan tunjuk ajar mengenai kerja-kerja yang boleh mendatangkan hasil dan menambahkan pendapatan. Kerja-kerja sampingan untuk mengisi masa lapang hendaklah digalakkan dan diusahakan supaya menjadi projek-projek kecil. Ini adalah satu bidang yang belum diterokai dengan sepenuhnya dan peluangnya adalah banyak dan baik.

10. Di samping melaksanakan kerja-kerja amal, saya percaya objektif Pertubuhan ini adalah lebih luas lagi dan saya berharap dalam aktiviti-aktiviti yang akan dirancangan untuk masa akan datang, aktiviti-aktiviti yang berbentuk ekonomi akan diberi perhatian yang sewajarnya. Peredaran masa dan perubahan hendaklah diberi tekanan juga supaya ahli-ahli kita lebih bersedia menyesuaikan diri di samping kita lebih bersedia menyesuaikan diri di samping menambahkan pengetahuan dan meluaskan pengalaman.

Puan-puan dan para hadirin sekalian,

11. Saya berdoa semoga Allah Subhanahu Wataala melindungi dan memberkati segala usaha Lembaga ini. Dengan ini saya dengan nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Mengasihani dengan sukacita membuka Mesyuarat Agung Ke-26 Lembaga Agung Ke-26 Lembaga Kebajikan Perempuan Islam ini dengan rasminya.

Wabillahitaufik walhidayah wassalamu alaikum warahmatullahi wabarakatuh.